

01/11/2003

`Saya gembira untuk Pak Lah'

Hafizah Iszahanid

DATIN Seri Endon Mahmood memanggil suaminya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan panggilan "Yang" (sayang) dan begitu juga sebaliknya. "A very loving couple," kata mereka yang rapat dengan kedua-duanya.

Namun, Endon yang sudah hidup bersama dengan Abdullah atau lebih mesra dipanggil Pak Lah selama 38 tahun, adalah pendorong utama kepada Perdana Menteri Malaysia ke-5 itu.

Beliau kini bergelar Wanita Pertama, mengambil alih kedudukan Datin Seri

Dr Siti Hasmah Mohd Ali, isteri kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang

mengundur diri semalam setelah menerajui negara selama lebih 22 tahun.

Bagaimanapun, ketika saat gembira rakyat menyambut kelahiran pemimpin baru di persada politik tanah air, Endon baru balik dari Los Angeles minggu lalu kerana menjalani rawatan penyakit barah payu dara.

Ikuti luahan hatinya dalam temu ramah dengan Wartawan Berita Harian, Hafizah Iszahanid, di Putrajaya, kelmarin.

BH: Bagaimana perasaan Datin Seri dengan pelantikan Pak Lah sebagai Perdana Menteri kelima?

ENDON: Saya tidak ada satu perasaan yang istimewa. Saya gembira untuknya. Anda semua tahu, sepanjang karier politiknya, Pak Lah meredah segala getir dan payah politik. Beliau tidak menikmati "easy time in politic". Dia pernah tersingkir. Pada saya, kehidupan ini bukanlah terlalu

mudah untuknya. Setiap langkah yang diambilnya adalah cabaran.

BH: Adakah itu bermakna Datin Seri kurang menyokong Pak Lah?

ENDON: Sebagai isteri, saya menyokong Pak Lah walaupun saya tidak minat

politik, tidak pernah berbincang mengenai politik dan dia tidak pernah berbincang tentang politik dengan saya kerana dia tahu saya tidak berminat. Pak Lah, walaupun dia menyertai politik dia tetap seorang lelaki

yang mementingkan keluarga. Dia sering memberitahu saya, dia akan bekerja

dengan lebih baik jika saya tidak bekerja sebaliknya menjaga rumah tangga

dan anak-anak. Dari awal lagi saya tidak terbabit dengan politik dan saya

ingat sejak awal Pak Lah menyertai politik, saya jarang ke Kepala Batas, dalam setahun empat kali saja dan hari raya. Kerana dia tidak mahu membabitkan saya dengan politik dan dia juga tahu saya tidak berminat. Sesiapa saja boleh datang berbincang mengenai politik dengan Pak Lah di rumah kami, malah dia ada juga berbincang tentang politik dengan anak-anak

tetapi tidak dengan saya. Awak boleh tanya mereka (anak-anak).

BH: Justeru, bagaimana peranan Datin Seri dalam menyokong kerjaya politik beliau?

ENDON: Sekarang, anak-anak sudah besar dan memiliki keluarga sendiri, saya akan beri semua sokongan kepadanya. Tetapi saya kena berhati-hati

kerana keadaan kesihatan mungkin tidak mengizinkan saya berada dengan kelompok manusia yang terlalu ramai atau keadaan yang tertekan dan saya harap rakyat akan memahaminya.

BH: Walaupun Datin Seri mengatakan tidak berminat dengan politik, tetapi kedudukan sebagai Wanita Pertama tentu Datin Seri harus ambil tahu?

ENDON: Ha, when I come to the bridge, then I will cross it, tetapi untuk masa ini, saya lebih berminat dengan kegiatan kebajikan seperti Yayasan Penyayang dan saya mahu mempromosikan nilai kekeluargaan. Keluarga bahagia, negara sejahtera kerana saya berasakan nilai sebegitu sudah kurang. Hari ini kalau kita beri anak-anak hadiah, mereka tidak lagi tahu mengucapkan terima kasih. Pada saya ia sangat penting untuk mengembalikan nilai itu. Satu lagi budaya. Budaya juga adalah nilai. Saya berminat dengan budaya. Saya cuba nak promosikan batik seperti mana saya buat pada kebaya, kerana semua itu warisan kita. Tetapi saya lebih kepada seorang suri rumah. Ya, saya suka buat kerja kebajikan tetapi saya suka menghias rumah.

BH: Bila waktunya yang sesuai Datin Seri untuk mengambil tahu mengenai politik?

ENDON: Saya sebenarnya seorang yang tidak sukakan publisiti, tetapi sekarang saya tidak ada pilihan. Saya terpaksa lakukan untuk Pak Lah, saya akan lakukan untuk dia, untuk lelaki yang saya cintai.

BH: Dengan keadaan kesihatan Datin Seri, bagaimana Datin Seri melihat tanggungjawab sebagai Wanita Pertama?

ENDON: Syukur Alhamdulillah, saya sihat dan masih buat rawatan homeopati. Tuhan memberi saya sekali lagi peluang untuk saya bernafas. Tetapi harus mengambil berat mengenai kesihatan saya sebaik mungkin. Saya harus berjaga-jaga. Saya gembira saya sudah memberitahu orang ramai bahawa saya menghidap barah justeru, orang tahu batas-batas saya, macam dalam pergerakan saya mungkin perlahan sedikit. Kalau macam Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, beliau sentiasa bersama Dr Mahathir ke mana saja. Tetapi saya tidak, saya harus berhati-hati. Doktor juga menasihatkan saya sebab kalau saya tidak mampu menemani Pak Lah, saya harus beri keutamaan pada kesihatan saya.

BH: Bagaimana dengan anak-anak, tidakkah mereka berasa bimbang dengan keadaan kesihatan Datin Seri dan tanggungjawab sebagai Wanita Pertama?

ENDON: Sesiapa yang ada barah pastinya akan lebih berhati-hati. Tetapi saya sentiasa melihat apa yang berlaku pada saya dengan pandangan yang positif. Saya sering berasakan syukur Alhamdulillah, saya kena pada masa ini. Saya bersyukur kerana memiliki anak-anak yang boleh memberikan rawatan terbaik untuk kesihatan saya dan mendapat sokongan keluarga dan kawan-kawan. Kedudukan saya sebagai isteri orang kenamaan, ramai orang berdoa untuk kesihatan saya dan itu sesuatu yang amat mengharukan saya. Saya tidak rasa sedih dengan keadaan diri saya. Saya tidak menangis bila dapat tahu saya menghidap barah. Saya tidak menangis langsung. Saya hanya

menangis bila saya memerlukannya, bila saya jauh dari keluarga kerana kami

sangat rapat. Tetapi saya positif mengenainya dan saya tidak mahu memperlihatkan keadaan diri yang sakit kerana ia akan menyusahkan Pak Lah

dan anak-anak. Ada sekali, ketika Pak Lah melawat saya di Amerika, saya berasa lenguh dan saya kejutkan dia, eh u tolong gosok sini sikit, tapi Pak Lah masih tidur. Anak saya kata, mama macam mana babah tahu mama memerlukannya kerana mama tidak kelihatan sakit.

BH: Datin Seri pernah menyebut ketika Datin Seri memerlukan Pak Lah di sisi sewaktu menerima rawatan di Amerika, Pak Lah tiada. Dengan kesibukan

Pak Lah sebagai Perdana Menteri kelak, Datin Seri tentunya akan mengalami

pengalaman yang sama?

ENDON: Nampaknya begitulah. Tetapi negara lebih memerlukan Pak Lah berbanding saya. Jadi saya harus melakukan pengorbanan ini. Ketika Pak Lah

tidak dapat menemani saya ketika pembedahan, beliau berjanji untuk berjumpa dengan saya kemudian. Tapi saya kata tak mengapalah... masa itu beliau sibuk dengan pilihan raya di Pendang, Kedah. Saya kata tak mengapa,

jangan rasa bersalah. Saya memahami keadaan itu. Saya ada sokongan daripada anak-anak dan kawan-kawan rapat.

BH: Ramai orang bertanya mengapa Datin Seri mendapatkan rawatan di Amerika tidak di Malaysia?

ENDON: Ya, ramai orang tanya, tahu mengapa. Sebagai isteri orang kenamaan, orang akan sibuk nak jaga saya, bagaimana pula dengan pesakit lain? Saya tahu kakak saya, bila lepas rawatan, dia beritahu saya, dia tiada doktor yang boleh menasihatkannya apa yang boleh dan tidak boleh, sebab dia kata doktor kena jaga 200 pesakit tiada masa khususnya.

Sebagai isteri orang kenamaan, doktor akan punya masa untuk saya, tapi kasihan pada orang lain. Kalau di sini, saya akan mengganggu Pak Lah. Hari-hari Pak Lah kena tengok saya. Pak Lah sibuk dengan kerjanya, boleh jadi ini akan merunsingkannya. Lagipun saya ada anak yang boleh membayar perbelanjaan rawatan saya. Di sana saya boleh jalan dengan bebas, duduk tepi jalan makan ais krim, orang tak kenal saya dan saya boleh pulih cepat.

BH: Apa pandangan Datin Seri terhadap Datin Seri Dr Siti Hasmah?

ENDON: Tak ramai orang bercakap pasal Kak Hasmah. Tahu tak betapa hebatnya dia kerana begitu toleran selama 22 tahun. Saya memang kagumi beliau. Beliau akan mengikut Dr Mahathir ke mana saja dan seorang isteri yang sangat ideal. Saya tidak berminat dengan politik tetapi ada juga kawan-kawan yang merungut tentang politik pada saya tetapi saya tidak pernah dengar sepatah kata mengenainya daripada Kak Hasmah. Saya rasa penghargaan juga harus diberi kepadanya seperti mana penghargaan kepada Dr Mahathir.

BH: Dr Siti Hasmah ada memberi apa-apa nasihat atau panduan kepada Datin Seri?

ENDON: Tiada. Bila saya dapat tahu Pak Lah dapat jawatan ini, saya pergilah berjumpa dengannya dengan fikiran beliau mungkin beri sedikit nasihat. Tetapi tidak. Saya tahu saya memiliki paras wajah yang serius

dan

dapat Pak Lah pula senyum selalu dia hanya kata, ha Endon, smile more! Itulah yang dia nasihatkan. Saya ingat dia akan kata, awak harus buat ini, awak jangan buat begini. Beliau juga tidak pernah membetulkan saya dalam apa saja segi. Bukanlah bermaksud saya tidak pernah buat silap. Saya juga tidak pernah cuba untuk membayangi beliau. Ketika saya jadi isteri Menteri

Luar, waktu lawatan ke luar negara, beliau ada bertanya bagaimana beliau harus buat, saya selalu kata dia harus berada satu langkah di belakang Dr

Mahathir. Saya tidak akan membayangnya, beliau adalah Wanita Pertama. Saya amat menghormatinya. Tapi sebenarnya, saya ada hubungan bersaudara dengannya. Dua bapa saudara sepupu saya berkahwin dengan ahli keluarganya

dan saya sudah mengenalnya dalam tempoh yang lama.

BH: Apa pandangan Datin Seri mengenai tohmahan terhadap projek yang diberikan kepada anak-anak?

ENDON: Kalau nak bercakap pasal anak, saya sangat berbangga dengan kedua-dua anak saya. Anak lelaki saya sebagai anak menteri dia boleh melancong ke luar negara dan kadang kala mendapat layanan kelas pertama. Dia selalu kata, Babah saya mahu terus menikmati keselesaan ini. Tapi kata

Pak Lah, kalau nak, cari duit sendiri. Apa yang awak dapat sekarang kerana saya.

Anak lelaki saya mensasarkan dalam usia 27 tahun, dia mesti dapat cari duit sendiri dan dia berjaya. Ketika ekonomi meleset, perniagaannya terjejas dan dia bekerja keras untuk membina semula perniagaannya. Saya berbangga kerana dia boleh membiayai perbelanjaan perubatan saya. Ketika wartawan tanya, apakah sumbangan yang boleh dia berikan kepada Pak Lah, dia kata saya cuba tidak menyusahkan Babah. Saya bangga dengan kenyataannya itu.

Saya selalu mengingatkan mereka, tidak perlu contoh yang jauh untuk diteladani, contohilah Babah.

BH: Ketika tersingkir dari Kabinet selama empat tahun, bagaimana Pak Lah waktu itu?

ENDON: Pak Lah tetap menumpukan pada politik. Setahun dia tak pergi pejabat, dia duduk rumah tetapi selama setahun itu tetap ada orang berjumpa dengannya dan bercakap tentang politik. Kerana itu hubungannya dengan politik tidak jauh. Mungkin kerana itu dia menang. Bila Pak Lah dah ada kerja (menyertai Kabinet semula) saya suruh dia jual rumah itu untuk menyelesaikan hutang piutang kami. Saya tak mahu kalau ada apa-apa terjadi anak-anak akan tanggung beban. Pak Lah, "a man without money", tahu tak menteri yang tiada rumah sendiri, Pak Lah satu-satunya. Kami tiada rumah sendiri sampai sekarang. Tapi kami bernasib baik kerana ada rumah kelamin kerajaan.

BH: Bagaimana Datin Seri melihat Pak Lah sebagai pemimpin dan suami?

ENDON: Sebagai pemimpin, Pak Lah seorang yang tabah, sabar dan senang

didekati rakyat. Sebagai seorang suami dia sangat baik, bapa yang baik dan

saya percaya Pak Lah akan jadi Perdana Menteri yang baik. Saya gembira untuknya selepas payah dan getir yang ditempuhinya dalam politik.

BH: Pernah terlintas di fikiran Datin Seri untuk bergelar Wanita Pertama?

ENDON: Setiap ahli politik tentunya mengimpikan jawatan Perdana Menteri.

Tapi saya bukanlah wanita yang bercita-cita tinggi. Jadi saya tidak rasa apa-apa. Tapi saya gembira untuknya kerana beliau sudah melalui getir dan payah politik.